



MENTERI LUAR NEGERI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MEMPROMOSIKAN KESENIAN MELALUI POLISI 'SOFT POWER' DAN 'CULTURAL DIPLOMACY' DASAR LUAR NEGARA

Saya dijemput oleh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) untuk merasmikan Malam Baca Puisi PENA 2023 dan melancarkan Tabung Mangsa Gempa Bumi Turkiye dan Syria pada 10 Mac 2023 di Rumah PENA, Kuala Lumpur. Malam Baca Puisi PENA sudah berusia lebih daripada 25 tahun dan berlangsung sejak tahun 1998. Ini merupakan suatu manifestasi bersejarah. Bak kata pepatah, "Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas".

Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Prof Datuk Seri Dr. Haji Awang Sariyan, YBhg. Datuk Zainal Abidin Borhan (Presiden GAPENA), YBhg. Datuk Dr. Zurinah Hassan (Sasterawan Negara ke-13), Encik Mohd Khair Ngadiron (Pengerusi TV Al-Hijrah), YBhg. Dato' Ahmad Tamimi Siregar, Encik Sabri Yunus dan beberapa pemuisi terkenal tanah air.

'Soft power' alternatif untuk meningkatkan pengaruh di persada antarabangsa

Dalam ucapan perasmian ini, saya telah menyentuh tentang beberapa perkara terutamanya bagaimana saya selaku Menteri Luar Negeri boleh mengontemporikan antara kesenian dengan polisi dan dasar luar negara.

Saya memperincikan mengenai polisi 'soft power' (kuasa lunak) yang dipopularkan oleh pakar politik Amerika Syarikat, Joseph S Nye sejak 1980. Ia mengandungi instrumen kebudayaan, peradaban dan kesenian dalam mempengaruhi pihak lain. Dalam erti kata lain, 'soft power' adalah satu alternatif untuk kita meningkatkan pengaruh ('visibility' dan 'presence') di persada antarabangsa tanpa meminggirkan jati diri sesebuah bangsa dan negara.

Diplomasi Budaya polisi Dasar Luar mempromosi budaya di peringkat global

Selain itu, salah satu polisi yang dikembangkan dalam kerangka dasar luar negara ialah diplomasi budaya atau 'cultural diplomacy'. Ini merupakan salah satu usaha



**MENTERI LUAR NEGERI
MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

Kementerian Luar Negeri membantu meningkatkan keupayaan mengantara bangsa kan budaya dan bahasa kita di peringkat global. Diplomasi budaya bukan sahaja mengenai pertukaran idea dan berkongsi pandangan, malah yang lebih penting apabila mampu merentasi hubungan dua hala antara negara. Sememangnya program Baca Puisi yang dianjurkan PENA ini merupakan salah satu platform dan boleh diangkat sebagai diplomasi budaya yang boleh diperkembangkan.

Kunjungan YAB Perdana Menteri ke Turkiye

Saya juga berkongsi bersama hadirin pengalaman bersama YAB Perdana Menteri ketika mengadakan kunjungan di kawasan gempa bumi iaitu di Gaziantep, Turkiye. Kunjungan singkat ini membuktikan hubungan persahabatan yang erat antara Malaysia dan Turkiye serta pada masa sama menzahirkan sokongan moral dan solidariti kepada Turkiye.

Saya turut menggamit memori ketika menjadi Menteri Besar Perak dan kejayaan menempatkan Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa (Pulara) sehingga tercatat dalam peta puisi dunia dan berjaya disertai oleh ramai peserta luar negara. Begitulah juga harapan saya kepada penganjuran puisi PENA untuk menembusi arena antarabangsa suatu hari nanti.

Pada akhir ucapan, saya mendeklamasikan sebuah puisi yang saya cipta khusus untuk mangsa-mangsa bencana gempa bumi di Turkiye. Saya juga telah melancarkan Tabung Mangsa Gempa Bumi Turkiye dan Syria oleh pihak PENA.

Dr. Zambry Abd Kadir
MENTERI LUAR NEGERI

11 Mac 2023